

Sungai Lembing kembali dinaiki air

» *Penduduk Kuantan, Pekan siap sedia hadapi gelombang kedua banjir*

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► **Kuantan**

Puluhan ribu penduduk di kawasan rendah, di sini, dan Pekan mula bersiap sedia berdepan kemungkinan gelombang kedua banjir, selepas hujan berterusan sejak malam kelmarin.

Tinjauan BH mendapati sebahagian besar pekan Sungai Lembing, dekat sini, mula dinaiki air kira-kira satu meter pada jam 2.30 petang selepas paras air Sungai Lembing meningkat mendadak berikutan hujan lebat sejak malam semalam.

Kilometer 36, Jalan Kuantan-Maran juga mula dinaiki air sejak tengah hari tetapi sudah boleh

dilalui semua kenderaan petang semalam.

Sehingga jam 8 malam tadi, lima orang daripada dua keluar-ga dari Kampung Batu 8, Lepar, dekat sini, yang dipindahkan ke Dewan Serbaguna kampung berkenaan sejak tengah hari semalam, sudah pulang ke rumah masing-masing.

Melebihi paras amaran

Maklumat laman web Jabatan Pengairan Saliran (JPS) menunjukkan taburan hujan di daerah ini melebihi paras amaran, manakala siren di Sungai Lembing juga sudah dibunyikan kira-kira jam 12 tengah hari semalam.

Menurut portal itu, taburan hujan di Bukit Kenau ialah 66 milimeter (mm), manakala 72 mm di Bukit Sagu, dekat sini.

JPS turut membunyikan siren sebanyak dua kali sebagai amaran kepada penduduk di Sungai Lembing supaya mengambil langkah berjaga-jaga.

Bagaimanapun, setakat ini, tiada penduduk berpindah kerana air mulai surut jam 7 malam.

Penduduk Sungai Lembing, Salamah Mohammad, 63, berkata air mula menaiki rumahnya kira-kira jam 2.30 petang selepas siren

amaran dibunyikan.

"Kami terus menyimpan barang di tempat tinggi bagi mengelakannya rosak dan air menecah sehingga paras lutut sebelum ia surut secara perlahan-lahan.

"Malam ini kami sekeluarga tidur di rumah kerana air sudah surut, tetapi kami tetap berjaga-jaga dan akan berpindah sekiranya diminta berbuat demikian," katanya.

Tinjauan di sekitar jalan Kuantan-Sungai Lembing yang mudah dinaiki air mendapati beberapa kawasan turut ditenggelami, antaranya jalan masuk ke FELDA Panching.

Penat belum hilang

Ibu tunggal di Jalan Bukit Ubi, Rashidah Osman, 63, berkata, dia berdoa supaya gelombang kedua banjir tidak berlaku kerana baru saja menerima bantuan tilam dan bantal serta baranganengkapan elektrik, selepas rumahnya dilanda banjir awal bulan lalu.

"Saya buntu jika rumah sekali lagi dilanda banjir, penat mengemas dan membersihkan rumah belum hilang lagi," katanya yang mengidap penyakit buah pinggang.



Abdul Latif Sulaiman, 57, **menggantungkan barang di tempat tinggi selepas pekan Sungai Lembing dinaiki air berikutan hujan berterusan sejak semalam.**

(FOTO HALIM MAT ALL/BH)